

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**
KAWASAN : **PERMATANG PAUH**
TARIKH : **18.6.2014 (RABU)**
NO. SOALAN : **53**

YB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Permatang Pauh) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan :-

- (a) bilakah Kementerian bersedia memuktamadkan rundingan perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) dengan Amerika Syarikat (AS), sama ada bersetuju dan menandatangani perjanjian tersebut, ataupun menolak dan menarik diri daripada rundingan; dan
- (b) usaha dan langkah yang diambil bagi memastikan pemegang kepentingan (stakeholders), termasuklah rakyat Malaysia dimaklum dari semasa ke semasa berhubung rundingan yang masih dijalankan agar kepentingan rakyat tidak dicabuli tanpa disedari.

Jawapan

Tuan Yang DiPertua,

Rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) merupakan rundingan plurilateral yang melibatkan penyertaan Malaysia dengan 11 negara yang lain, iaitu Amerika Syarikat, Mexico, Canada, Peru, Chile, Singapura, Brunei Darussalam, Vietnam, Australia, New Zealand dan Jepun. Setiap negara anggota TPP mempunyai sensitivitinya yang perlu ditangani sama ada di peringkat dua hala ataupun pelbagai hala sebelum perjanjian ini dapat dimuktamadkan. Bagi Malaysia, terdapat beberapa isu seperti Syarikat Hak Milik Kerajaan, Perolehan Kerajaan, Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Pelabur - Negara, Hak Harta Intelek, Buruh, dan Alam Sekitar yang masih memerlukan rundingan lanjutan.

Mengenai persoalan berkaitan dengan bilakah Kementerian ataupun Kerajaan bersedia untuk memuktamadkan perjanjian tersebut, ingin dimaklumkan bahawa rundingan TPPA masih lagi berlangsung dan banyak lagi isu-isu yang tertunggak dan belum dipersetujui oleh semua anggota TPPA. Rundingan hanya akan muktamad sekiranya kesemua isu dipersetujui oleh semua anggota TPPA. Rundingan TPPA mengambil masa yang lebih panjang daripada yang dijangka asalnya untuk dimuktamadkan pada akhir tahun 2013 kerana TPPA amat berbeza dengan FTA yang biasa dan meliputi skop komprehensif yang melibatkan sensitiviti-sensiviti yang berbeza.

Mengenai persoalan sama ada bersetuju dan menandatangani perjanjian tersebut, ataupun menolak dan menarik diri daripada rundingan, ingin dijelaskan bahawa Malaysia akan terus berada dalam rundingan untuk memperjuangkan terma-terma Malaysia. Apabila dimuktamadkan nanti, perjanjian tersebut akan diangkat untuk perbahasan di peringkat Parlimen.

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan tidak pernah terhenti daripada mencapai kepada semua lapisan masyarakat khususnya dengan pihak-pihak yang berkepentingan, kerajaan negeri, NGO, wakil industri dan perniagaan serta pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi untuk memaklumkan perkembangan terkini rundingan dan memperoleh maklum balas. Pada tahun 2013, sebanyak 56 sesi perjumpaan dan engagement dalam pelbagai bentuk telah diadakan untuk menerangkan dan mendapatkan input dan pandangan rakyat mengenai rundingan TPPA. Pada tahun 2014, sehingga bulan Mei, sebanyak 16 sesi engagement ataupun konsultasi juga telah dilaksanakan. Selain itu, pasukan perunding juga mengadakan konsultasi khusus mengenai isu-isu yang dirundingkan dengan *stakeholders* yang berkenaan.

Sebagai langkah akauntabiliti, Kerajaan pada Jun 2013 juga telah menubuhkan sebuah TPP Caucus Dewan Rakyat secara bipartisan yang juga telah banyak menyumbangkan input dan pandangan yang amat berguna kepada pasukan perunding Malaysia. Kerajaan merakamkan ribuan terima kasih ke atas sokongan semua Ahli TPP Caucus yang terlibat. Susulan daripada itu, TPP Caucus juga

ditubuhkan di Dewan Negara secara bipartisan. Mereka telah mengadakan perjumpaan yang pertama pada 15 Mei 2014 bersama YB Menteri MITI untuk mendapatkan maklumat mengenai TPP.

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan ingin menegaskan bahawa TPP merupakan usaha seluruh negara dan amat memerlukan sokongan padu rakyat. Justeru, kerajaan akan terus meningkatkan akses dengan pihak-pihak berkepentingan secara berterusan bagi memastikan sensitiviti dan kepentingan semua pihak diambil kira.